



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 26 OGOS 2024**

| BIL                        | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                        |
|----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | KPKM LAKSANA LANGKAH BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN NEGARA -MOHAMAD SABU, ASTRO AWANI -ONLINE<br>EKSPORT DURIAN MALAYSIA DIJANGKA CECAH RM1.8 BILION MENJELANG 2030 -KPKM, BERNAMA -ONLINE<br>KPKM LAKSANA LANGKAH BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN NEGARA, MOHAMAD SABU -THE SUN<br>MALAYSIA JANGKA EKSPORT DURIAN AKAN LONJAK KEPADA RM1.8 BILION JELANG 2030, BERITA MEDIACORP -ONLINE<br>MAHA 2024 JANJI KELAINAN TARIK PENGUNJUNG, NASIONAL, SH -13 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6.                         | DURIAN 'NAGA UMBANG' CURI PERHATIAN, LIPIS, SH -24                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)                      |
| 7.<br>8.<br>9.             | NELAYAN SELAMATKAN IKAN YU PAUS TERPERANGKAP, KUALA TERENGGANU, SH -24<br>IKAN YU PAUS MASUK PUKAT NELAYAN DI PULAU KAPAS, DALAM NEGERI, UM -35<br>YU PAUS TERSANGKUT PUKAT DILEPASKAN, NEGARA, KOSMO -17                                                                                                                                                                                                                                        | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                      |
| 10.                        | SEKALI TANAM, 3 KALI TUAI!, LOKAL, HM -7                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)           |
| 11.                        | DOSM CONDUCTS AGRI CENSUS IN PAHANG, NATION, THE STAR -10                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | LAIN-LAIN                                             |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA          | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------------|---------|------------|
| 26/8/2024 | ASTRO<br>AWANI | ONLINE  |            |

## KPKM laksana langkah bantu tingkatkan pendapatan negara - Mohamad Sabu



*Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (lima kiri) bergambar bersama para penerima sumbangan ketika hadir pada Perasmian Road to MAHA @ Kota Raja sempena MAHA 2024 di MARDI Klang hari ini. - Foto BERNAMA*

**KLANG:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melaksanakan beberapa langkah

dalam membantu meningkatkan pendapatan negara susulan jangkaan peningkatan terhadap perbelanjaan kerajaan.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata antara langkah yang dilaksanakan menerusi usaha meningkatkan jumlah eksport produk pertanian dan makanan serta penerokaan pasaran baharu di luar negara.

Beliau berkata langkah itu bertujuan mengimbangi nilai import dan eksport negara sekali gus menyumbang kepada penambahan pendapatan kerajaan.

"Kita juga sedang menumpukan kepada peningkatan pengeluaran nanas bagi memenuhi permintaan antarabangsa sekitar 4,000 kontena setahun sedangkan kita hanya mampu membekalkan 800 kontena sahaja, sangat rendah berbanding permintaan.

"Insya-Allah tahun hadapan kita dijangka dapat mengurangkan import bawang kecil selepas mula sebarikan benih bawang kecil secara besar-besaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Projek Mesra Rakyat @ Parlimen Kota Raja 2024 di sini hari ini.

Mengulas mengenai Belanjawan 2025, Mohamad berharap kementerian itu diberikan peruntukan tambahan bagi tujuan menyelesaikan isu saliran dan perparitan kawasan sawah di Sabah sekali gus membantu meningkatkan pengeluaran padi negara.

Berhubung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, Mohamad berkata pihaknya menyasarkan kehadiran tiga juta pengunjung pada acara yang dijadual berlangsung dari 11 hingga 22 Sept.

Beliau berkata MAHA 2024 juga menyaksikan peningkatan penyertaan pempamer antarabangsa yang bakal membawa bersama peralatan pertanian moden bagi diperkenalkan kepada industri tempatan selain produk pertanian.

-- BERNAMA

taip untuk carian

**EKONOMI**

## **EKSPORT DURIAN MALAYSIA DIJANGKA CECAH RM1.8 BILION MENJELANG 2030 - KPKM**

🕒 25/08/2024 07:18 PM



Kredit : FB Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Nilai eksport durian diunjur terus meningkat kepada RM1.8 bilion menjelang 2030, kata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Dalam kenyataan hari ini, kementerian itu berkata prestasi eksport durian negara dalam tempoh lima tahun iaitu 2018 hingga 2022 juga menggalakkan dengan nilai eksportnya melonjak 256.3 peratus atau peningkatan sebanyak RM822.8 juta.

Pada 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatat nilai RM1.14 bilion yang juga tertinggi dalam sejarah.

Durian iuga secara keseluruhan adalah penvumbana utama atau

daripada nilai keseluruhan RM2.01 bilion.

"China merupakan pasaran eksport utama buah durian Malaysia dengan nilai eksport RM887 juta pada 2022 iaitu tertinggi dalam sejarah pengeksportan durian ke negara itu," katanya.

Penghantaran durian segar pertama Malaysia ke China semalam, kata KPKM, juga selamat tiba Lapangan Terbang Kargo Zhengzhou, hari ini.

Pengeksportan pertama durian segar itu adalah hasil daripada Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar Dari Malaysia ke Republik Rakyat China yang dimeterai pada 19 Jun lepas.

"Tambahan akses durian segar ini memberi peluang kepada usahawan tempatan bagi meneroka pasaran di China, seterusnya meningkatkan pendapatan mereka memandangkan sebelum ini hanya durian sejuk beku sahaja dibenarkan dieksport," katanya.

Penerimaan buah durian segar pertama ke China itu disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu bersama-sama Timbalan Gabenor Wilayah Henan Sun Shougang dan Pengurus Besar Zhongyu Aviation Group Liu Jianmin di Lapangan Terbang Kargo Zhengzhou.

Durian segar itu diedarkan oleh 10 syarikat pengimport menerusi outlet peruncitan di enam wilayah iaitu Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guangzhou, Shenzhen dan Nanning.

Terdahulu, Mohamad mengadakan pertemuan dengan Governor Wilayah Henan Wong Kai dan secara bersama bersetuju bahawa kejayaan pengeksportan itu membuka peluang kerjasama sektor pertanian yang lebih meluas.

-- BERNAMA

## KATA KUNCI

nilai eksport dunia

kpk

mohamad

durian segar

china

## BERITA BERKAITAN

| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------|---------|------------|
| 26/8/2024 | THE SUN | ONLINE  |            |

## KPKM laksana langkah bantu tingkatan pendapatan negara - Mohamad Sabu



**- BERNAMApix**

**KLANG:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melaksanakan beberapa langkah dalam membantu meningkatkan pendapatan negara susulan jangkaan peningkatan terhadap perbelanjaan kerajaan.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata antara langkah yang dilaksanakan menerusi usaha meningkatkan jumlah eksport produk pertanian dan makanan serta penerokaan pasaran baharu di luar negara.

Beliau berkata langkah itu bertujuan mengimbangi nilai import dan eksport negara sekali gus menyumbang kepada penambahan pendapatan kerajaan.

“Kita juga sedangkan menumpukan kepada peningkatan pengeluaran nanas bagi memenuhi permintaan antarabangsa sekitar 4,000 kontena setahun sedangkan kita hanya mampu membekalkan 800 kontena sahaja, sangat rendah berbanding permintaan.

“Insya-Allah tahun hadapan kita dijangka dapat mengurangkan import bawang kecil selepas mula sebar benih bawang kecil secara besar-besaran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Projek Mesra Rakyat @ Parlimen Kota Raja 2024 di sini hari ini.

Mengulas mengenai Belanjawan 2025, Mohamad berharap kementerian itu diberikan peruntukan tambahan bagi tujuan menyelesaikan isu saliran dan perparitan kawasan sawah di Sabah sekali gus membantu meningkatkan pengeluaran padi negara.

Berhubung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, Mohamad berkata pihaknya menyasarkan kehadiran tiga juta pengunjung pada acara yang dijadual berlangsung dari 11 hingga 22 Sept.

Beliau berkata MAHA 2024 juga menyaksikan peningkatan penyertaan pempamer antarabangsa yang bakal membawa bersama peralatan pertanian moden bagi diperkenalkan kepada industri tempatan selain produk pertanian.

| TARIKH    | MEDIA               | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------------|---------|------------|
| 26/8/2024 | BERITA<br>MEDIACORP | ONLINE  |            |

## Malaysia jangka eksport durian akan lonjak kepada RM1.8 bilion jelang 2030



PUTRAJAYA: Malaysia menganggarkan nilai eksport duriannya akan meningkat kepada RM1.8 bilion (S\$540 juta) menjelang 2030.

Menerusi satu kenyataan pada Ahad (25 Ogos), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Malaysia mendedahkan bahawa prestasi eksport durian negara bagi tempoh antara 2018 hingga 2022,

cukup menggalakkan.

Nilai eksportnya bahkan melonjak 256.3 peratus, iaitu peningkatan sebanyak RM822.8 juta (S\$246.8 juta).

Pada 2022, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatatkan nilai RM1.14 bilion (S\$342 juta) yang juga tertinggi dalam sejarah.

Di samping itu, durian secara keseluruhan adalah penyumbang utama atau 58.6 peratus kepada nilai eksport buah-buahan negara pada 2022 daripada nilai keseluruhan RM2.01 bilion (S\$603 juta).

“China merupakan pasaran eksport utama buah durian Malaysia dengan nilai eksport RM887 juta (S\$266 juta) pada 2022 iaitu tertinggi dalam sejarah pengeksportan durian ke negara itu,” menurutnya.

Penghantaran durian segar pertama Malaysia ke China pada Sabtu (24 Ogos), menurut KPKM, juga selamat tiba di Lapangan Terbang Kargo Zhengzhou, pada hari ini (25 Ogos).

Penghantaran pertama durian eksport itu adalah hasil daripada Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar Dari Malaysia ke Republik Rakyat China yang dimeterai pada 19 Jun.

Durian segar itu diedarkan oleh 10 syarikat pengimport menerusi cawangan runcit di enam wilayah iaitu Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guangzhou, Shenzhen dan Nanning.

Sasar 3 juta pengunjung  
dengan penyertaan 150  
pempamer antarabangsa

Oleh DIANA AZIS

# MAHA 2024 janji kelainan tarik pengunjung

**M**enjelang Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang bakal berlangsung September depan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kini sedang giat menjalankan siri jelajah bagi merealisasikan sasaran jumlah pengunjung dan hasil jualan yang ditetapkan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya optimis jelajah 'Road to MAHA 2024' mampu menarik minat orang ramai untuk menyertai acara dwi tahunan itu yang akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

Menurut beliau, misi dan objektif siri jelajah berkenaan untuk mempromosikan acara tersebut sebagai satu ekspso pertanian terbesar.

"Tahun ini penyertaan peringkat antarabangsa meningkat kerana bukan hanya sekadar terlibat dalam memamerkan peralatan pertanian, malah melibatkan teknologi moden yang akan diperkenalkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Projek Mesra Rakyat @ Parlimen Kota Raja 2024 di sini, pada Sabtu.

Road to MAHA 2024 Kota Raja, Klang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat lalu diadakan di Pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Klang, Selangor.

Program yang bermula pada pukul 10 pagi hingga 10 malam itu turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung antaranya jualan Agro Madani, ceramah perdana dan Majlis Kenduri Rakyat Kota Raja.

Dalam pada itu, Mohamad memaklumkan, pihaknya menasaskan kehadiran tiga juta pengunjung dengan penyertaan 150 pempamer antarabangsa.

Berteraskan 'Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom' atau Menuai Harapan Membina Masa Hadapan, ia mencerminkan aspirasi KPKM untuk menuai kejayaan di masa hadapan dengan usaha dan inovasi yang diterokai ketika ini.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali ber-

kata, penganjuran MAHA 2024 lebih istimewa kerana memberi penekanan kepada elemen yang mengingkatkan ke peringkat antarabangsa.

"Jika sebelum ini segmen (pameran) sehingga 7 malam tetapi kali ini kita adakan siang dan malam, sehingga 10 malam.

"Kita ada tarikan lain selain pertanian melibatkan agro pelancongan dan makanan," jelasnya.

Sementara itu, Mohamad memaklumkan, KPKM sedang melaksanakan beberapa langkah dalam usaha meningkatkan pendapatan negara susulan jangkaan peningkatan terhadap perbelanjaan kerajaan.

Beliau menjelaskan, ia termasuk meningkatkan jumlah eksport produk pertanian serta makanan di samping penerokaan pasaran baharu di luar negara.

Langkah tersebut, menurutnya, bertujuan mengimbangi nilai import dan eksport negara, sekali gus mampu menyumbang kepada pertambahan pendapatan kerajaan.

"Kita juga sedang menumpukan kepada peningkatan pengeluaran nenas bagi memenuhi permintaan antarabangsa (iaitu) sekitar 4,000 kontena setahun, sedangkan negara hanya mampu membekalkan 800 kontena sahaja.

"Insya-ALLAH tahun hadapan, kita jangka dapat mengurangkan import bawang kecil selepas mula sebarok benih secara besar-besaran," ujarnya.

Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja memaklumkan, industri akuakultur negara telah menghampiri kadar sara diri (SSR) melalui tangkapan ikan air



Mohamad (tengah) meninjau teknologi pertanian yang dipamerkan sempena Road to MAHA 2024 di Kota Raja, Klang pada Sabtu.

tawar dan hasil laut bermutu tinggi.

Katanya, KPKM juga sedang berusaha untuk mengurangkan import produk pertanian dan makanan dari luar negara yang bernilai RM78.69 bilion pada tahun 2023.

"Sebab itu, kita telah memulakan usaha penanaman bawang, menaik taraf sistem perairan di kawasan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) bagi membolehkan padi dapat ditanam lima musim dalam tempoh dua tahun supaya Malaysia tidak perlu bergantung kepada sumber luar," ujarnya.

KPKM juga sedang giat membantu golongan sasar seperti petani, peternak dan pengusaha industri makanan untuk mengembangkan usaha mereka, tambah menteri itu.

Setakat Julai lalu, beliau berkata, KPKM telah menyalurkan RM7.3 juta kepada 368 penerima geran Agropreneur Muda, 30 penerima Geran Agropelancongan (RM4.3 juta), 135 penerima Geran Padanan CUP (RM4.3 jutaw) dan lapan usahawan mendapat Geran Padanan HIP (RM930,451).



Mohamad bersama penerima dan orang ramai selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Projek Mesra Rakyat @ Parlimen Kota Raja 2024 di Klang, Selangor, pada Sabtu.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN                    | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------------------------|------------|
| 26/8/2024 | SINAR HARIAN | LIPIS/<br>KUALA TERENGGANU | 24         |

## Durian 'naga umbang' curi perhatian

Pokok berusia lebih 100 tahun masih berbuah sehingga kini

Oleh ROSILAWATI ROSEDI  
LIPIS

Penyertaan kali pertama durian 'naga umbang' membawa tuah buat seorang pemilik dusun apabila berjaya meraih tempat kedua Pertandingan Durian Kampung Premium sempena Hari Durian Peringkat Daerah Lipis 2024.

Menurut Muhammad Rahimi Zainal Abidin, 26, antara keistimewaan naga umbang adalah bentuk buah dan duri seakan durian udang merah tetapi rasanya lebih manis, lemak, sederhana pahit dengan warna isi kekuningan.

"Pokok asal durian naga umbang sudah berusia kira-kira 100 tahun ditanam beberapa generasi keluarga sebelum ini.

"Kalau ditanya orang tua dulu, ia durian tembaga dan diberi nama baharu dari lokasi ditanam dan setakat ini selain pokok asal, sudah ada lima pokok baharu.

"Setiap tahun memang ada yang bertanya dan sudah ada pelanggan tetap yang bukan sahaja dari kampung ini malah sekitarnya seperti Tersang, Raub dan juga dari ibu negara," katanya ketika ditemui, ba-



POH PALEH NEM!

Bentuk buah dan duri seakan durian udang merah dengan warna isi kekuningan antara keistimewaan naga umbang.

ru-baru ini.

Muhammad Rahimi berkata, berat setiap buah dianggarkan sekitar 2.5 kilogram (kg) dan menjualnya pada harga sekitar RM6 sekilogram.

Terdahulu, Muhammad Rahimi dari Kampung Kuala Serau berkata, kemenangan diraih berjaya membawa pulang wang tunai RM200 disampaikan Pengarah Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom.



MUHAMMAD RAHIMI

Ujarnya, tiada harapan tinggi diletakkan ketika menyertai pertandingan tersebut.

"Saya sendiri sudah mahu pulang ketika nama pemenang diumumkan dan tidak sangka muncul naib juara.

"Jika ditanya peranan selepas ini, memang saya bercadang mengambil tunas sebagai cantuman pokok kecil supaya lebih banyak naga umbang dapat ditanam," katanya.



Ikan yu paus terperangkap dalam pukut nelayan pada 11 Ogos lalu.

## Nelayan selamatkan ikan yu paus terperangkap

KUALA TERENGGANU - Sekumpulan nelayan bertindak tepat apabila menyelamatkan seekor ikan yu paus terperangkap dalam pukut jerut di perairan Pulau Kapas, Marang.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat ketika dihubungi, mengesahkan perkara itu dan kejadian tular di media sosial itu dilaporkan berlaku pada 11 Ogos lalu.

"Kita ada hubungi nelayan terlibat dan dimaklumkan ikan tersebut terperangkap ketika mereka sedang menangkap ikan menggunakan pukut jerut.

"Tindakan tekong dan awak-awak berusaha mengeluarkannya daripada terus terperangkap adalah betul," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Ahad.

Jelasnya, kejadian itu dirakam ne-

layan terbabit untuk berkongsi pengalaman kerana pertama kali spesies itu memasuki pukut jerut.

Dalam pada itu, Ruzaidi memuji tindakan nelayan menyelamatkan spesies hidupan marin tersebut atau nama saintifiknya *rhincodon typus*.

"Yu paus adalah antara haiwan tersebar di perairan Terengganu Di Bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawasan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999 Akta Perikanan 1985.

"Tiada mana-mana pihak boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap, membunuh, mengambil, memiliki, menjual, membeli, mengeksport atau mengangkut mana-mana spesies ikan terancam dinyatakan dalam senarai ini kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah Perikanan," katanya.

Beliau berkata, sekiranya mana-

mana spesies ikan terancam ini ditangkap atau diambil secara tidak sengaja ketika menangkap ikan, ia perlu dilepaskan dengan segera.

"Jika sudah mati, hidupan marin ini hendaklah dilaporkan kepada pegawai perikanan dan perlu dilupuskan mengikut prosedur ditetapkan.

"Sebarang kesalahan melibatkan senarai ikan terancam boleh dikenakan denda maksimum RM20,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan," katanya.

Baru-baru ini, tular sebuah video menerusi aplikasi Tik Tok yang memaparkan seekor ikan gergasi terperangkap dalam pukut.

Dua video berdurasi satu minit 41 saat menerima lebih 1.2 juta tontonan dan dikongsi ribuan pengguna media sosial.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 26/8/2024 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 35         |

# Ikan yu paus masuk pukat nelayan di Pulau Kapas

**KUALA TERENGGANU:** Jabatan Perikanan Negeri Terengganu mengesahkan penemuan seekor ikan yu paus atau nama saintifiknya *Rhincodon Typus* di perairan Pulau Kapas, dekat Marang seperti yang tular dalam media sosial, baru-baru ini.

Pengarahnya, Ruzaidi Mamat berkata, ikan tersebut terperangkap ketika nelayan sedang menangkap ikan menggunakan pukat jerut.

Katanya, jabatan itu telah menghubungi nelayan terlibat dan dimaklumkan kejadian berlaku pada 11 Ogos lalu.

“Seekor ikan yu paus memasuki pukat namun tekong dan awak-awak mengeluarkannya daripada terperangkap.

“Kejadian itu dirakam kerana ia adalah pertama kali ikan tersebut masuk ke dalam pukat jerut dan dimuat naik dalam aplikasi TikTok untuk berkongsi pengalaman dengan ikan yu paus,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Ruzaidi memuji langkah nelayan terlibat menyelamatkan spesies tersebut.


Jelasnya, yu paus adalah antara haiwan yang tersenarai di bawah Spesies Ikan Yang Dilindungi Di Bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999, Akta Perikanan 1985.

Menurutnya, sebarang kesalahan melibatkan senarai ikan terancam boleh dikenakan maksimum denda RM20,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Baru-baru ini, tular video di TikTok yang memaparkan sekumpulan nelayan menyelamatkan yu paus yang dipercayai terperangkap dalam pukat mereka.

Dua video berdurasi satu minit 41 saat itu menerima lebih 1.2 juta tontonan dan dikongsi ribuan pengguna TikTok lain.

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 26/8/2024 | KOSMO | NEGARA  | 17         |



**TANGKAP** layar video memaparkan sekumpulan nelayan menyelamatkan seekor yu paus yang terperangkap dalam pukot di perairan Marang baru-baru ini.

## Yu paus tersangkut pukot dilepaskan

**KUALA TERENGGANU** – Tindakan sekumpulan nelayan melepaskan seekor ikan yu paus perairan Pulau Kapas berhampiran Marang baru-baru ini mendapat pujian Jabatan Perikanan.

Pengarah Perikanan, Ruzaidi Mamat berkata, yu paus atau nama saintifiknya *Rhincodon Typus* merupakan antara spesies dilindungi di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999, Akta Perikanan 1985.

"Berdasarkan siasatan, yu paus itu terperangkap dalam pukot jerut itu 11 Ogos lalu.

"Tekong dan awak-awak nelayan terlibat berusaha mengeluarkan ikan tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, klip video berdurasi satu minit 41 saat yang memaparkan sekumpulan nelayan menyelamatkan yu paus yang terperangkap di dalam pukot tular di media sosial.

Ruzaidi berkata, melepaskan ikan yu paus tersebut setelah ia ditangkap secara tidak sengaja merupakan tindakan tepat.

Jelas beliau, perbuatan memancing, mengganggu, mengusik, menangkap, membunuh, mengambil, memiliki, menjual, membeli, mengeksport atau mengangkut ikan yu paus adalah satu kesalahan.

"Denda maksimum RM20,000 atau penjara sehingga dua tahun atau keduanya boleh dikenakan sekiranya peraturan itu diingkari," katanya.

Oleh Mary Victoria  
Dass  
am@hmetro.com.my

Iskandar Puteri

Laman Agro Nanas di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 mulai 11 hingga 22 September depan bakal menyediakan pelbagai aktiviti menarik demi memupuk kesedaran ramai berkaitan kepentingan industri nanas negara.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Mohd Khairuzamri M Salleh berkata, laman Agro Nanas pada masa ini sedang rancang dipersiapkan untuk dipersembahkan kepada pelbagai lapisan pengunjung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) di Serdang kelak.

Beliau berkata, pihaknya menyeru orang ramai tidak melepaskan peluang ke laman Agro Nanas berkenaan bagi mengenali rantaian industri nanas sempurna.

"Kanak-kanak hingga veteran sesuai ke laman Agro Nanas kerana kita menyediakan gambaran suatu rantaian industri yang sempurna yang mana mana kita menepati konsep naratif yang kita bawa iaitu satu kali tanam tiga kali tuai dari hiliran sampai huan.

"Kita menjangkan suatu *showcase* yang menarik, menjadi tarikan golongan muda hingga dewasa, industri ini menjangkan satu



ANTARA aktiviti menjadi tarikan utama adalah Perlawanan Persahabatan Bola Sepak di antara Pine FC yang diwakili pegawai LPNM dan SuperLawak FC.

MAHA 2024 MULAI 11 HINGGA 22 SEPTEMBER

# Sekali tanam, 3 kali tuai!

Laman Agro Nanas sedia aktiviti menarik berkaitan kepentingan industri nanas

pendapatan yang sangat penting dan menjanjikan kehidupan yang lebih baik.

"Di laman nanas juga, kita akan membawa Orang Asli dari Pahang untuk menganyam tikar dari daun nanas, ia sesuatu yang menarik," katanya.

Mohd Khairuzamri berkata, ia merupakan antara produk baharu yang diperkenalkan berasaskan sisa nanas yang diproses selain makanan haiwan dan kerias.

Menurutnya, secara tidak langsung, apabila sisa dapat diproses ia juga dapat mengelakkan berlakunya pencemaran udara akibat

pembakaran sisa nanas.

"Kita ada teknologi untuk memperkenalkan produk dengan memproses sisa-sisa nanas hingga menjadi produk yang mempunyai nilai," katanya.

di sidang media sempena Jelajah Hari Nanas Malaysia 2024 di Padang Bolasepak Educity Sports Complex Iskandar Puteri di sini, kelmarin.

Kira-kira 2,000 pengunjung tidak melepaskan peluang untuk menjayakan pelbagai pengisian sempe-

na program berkenaan.

Mohd Khairuzamri berkata, antara aktiviti menarik adalah Perlawanan Persahabatan Bola Sepak di antara Pine FC yang di-

wakil oleh pegawai LPNM dan SuperLawak FC yang diwakili oleh artis terkenal seperti Jep Se-

ra agensi dan jabatan dan pernah ke peringkat separuh akhir.

Katanya, perlawanan berkenaan bermula pada jam 4.30 petang selain aktiviti lain termasuk larian yang dikenali sebagai Pine Run 2K24 yang bermula sekitar jam 7 pagi.

"Jelajah Hari Nanas Malaysia hari ini merupakan siri ke-11 diadakan sepanjang tahun ini dan akan berterusan sehingga ke 27 Jun 2025 sempena Hari Nanas Malaysia buat pertama kalinya disambut secara besar-besaran.

"Program ini juga bertujuan untuk memperku-

kuhan hubungan antara agensi kerajaan, pemain industri, dan masyarakat umum melalui pelbagai aktiviti interaktif dan hiburan yang disusun.

"LPNM juga berhasrat untuk menjadikan sambutan Hari Nanas Malaysia sebagai acara dwi-tahunan yang dinantikan oleh masyarakat, sekali gus memupuk minat mereka terhadap produk tempatan.

"Di Johor kita juga memiliki ramai usahawan yang sesuai digelar ikon dalam perusahaan nanas dan kita yakin bilangan beliau yang menceburi bidang ini akan meningkat," katanya.

**"Kanak-kanak hingga veteran sesuai ke laman Agro Nanas"**  
Mohd Khairuzamri



The 2024 Agriculture Census establishes a new baseline for creating a real-time, comprehensive and reliable database that assists agricultural development and more.

Mohd Uzir (middle in blue) together with Jaafar (far right) joined in the survey that lasted from July 21 to 23 in Pahang.

# DOSM CONDUCTS AGRI CENSUS IN PAHANG

**PEKAN:** The 2024 Agriculture Census, which started on July 7, is currently being conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) nationwide until Oct 10.

The census will be covering four subsectors: crops, livestock, fisheries and aquaculture, as well as forestry and logging.

In Pahang, the census conducted surveys on 83,550 residential units and 1,996 organisations or business entities that were involved in agricultural activities.

By July 19, it covered a total of 13,609 residential units, with 10,636 being fully surveyed.

Agriculture census commissioner Danik Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, together with Pahang deputy commissioner (technical) Razaman Ridzuan, joined super-

visors and enumerators in the field from July 21 to 23, to conduct the census in Temerloh, Kuantan, Pekan and Bentong.

Several agricultural entrepreneurs and organisations were surveyed during this period, including active agricultural entrepreneur Sharifah Yusnida Saiyed Ibrahim, who operated on a 0.4-hectare land in Kampung Pulau Manis, Pekan.

She engaged in various agricultural activities, including aquaculture fisheries, cattle and goat farming, and oil palm cultivation.

Also present was Pahang Fisheries director Abdullah Jaafar who also serves as the Pahang Agriculture Census assistant commissioner.

Earlier, the Pahang Department of Statistics conducted the 2024

Agriculture Census Retreat Session, which involved 11 districts and several agencies under the agricultural sector, the Orang Asli Development Department, and the District and Land Office, at the district level.

During the session, the agencies involved expressed their full support and cooperation towards making the census a success.

They would act as facilitators and assist in coordinating the fieldwork for the census.

The agricultural census is crucial as it establishes a new baseline for creating a real-time, comprehensive and reliable database.

The new baseline is vital for providing basic data covering various aspects of agriculture according to standard norms and

realise the government's aspiration to advance the agricultural agenda through evidence-based decision-making.

This was in line with the needs and changing environment that demanded holistic, comprehensive, relevant and timely data.

The success of the 2024 Agriculture Census requires the cooperation of all households, institutions and organisations involved in agricultural activities.

All parties nationwide were urged to fully cooperate in the census implementation.

For more information, visit DOSM's portal at [www.myagri-census.gov.my](http://www.myagri-census.gov.my) and the Facebook page at [www.facebook.com/bancipertanian2024](http://www.facebook.com/bancipertanian2024). Follow on [www.facebook.com/dosmpahang](http://www.facebook.com/dosmpahang).